



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MAKLUMAN MENGENAI PENGOPERASIAN PUSAT KELULUSAN SETEMPAT (OSC) DI BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING, KEMENTERIAN DALAM NEGERI SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Kepada semua pelanggan yang dihormati,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

YAB Perdana Menteri dalam perutusan khas pada 11 Januari 2021 telah memaklumkan keputusan kerajaan berkaitan tempoh Perintah Kawalan Pengerakan (PKP) mulai **13 Januari 2021** hingga **26 Januari 2021**.

Selaras dengan keputusan tersebut, BPPA ingin memaklumkan kepada orang awam mengenai operasi pejabat seperti berikut:

Tarikh Pembukaan	:	Sepanjang tempoh PKP
Waktu Urusniaga	:	8.30 Pagi – 1.00 Tengahari (Isnin – Khamis) Jumaat (Tutup)
Jenis Urusniaga	:	1. Permohonan Pertukaran Majikan (Rujuk Jadual I) 2. Pertukaran Lokasi; 3. Pengemaskinian Nama dan Alamat Syarikat; 4. Penyelarasan Nombor Pendaftaran Syarikat; 5. Pengemaskinian Maklumat Majikan / wakil Majikan (Sistem MyIMMs); 6. Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Levi.
Catatan	:	Bilangan pelanggan yang dibenarkan untuk berada di OSC, BPPA adalah seramai 30 orang sahaja dalam satu-satu masa.

Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING (BPPA)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

JADUAL I**JADUAL TEMUDUGA PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN**

BIL	SEKTOR/AGENSI KAWAL SELIA (AKS)	HARI
1	Sektor Perkilangan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Isnin & Selasa
2	Sektor Pembinaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Selasa
3	Sektor Perkhidmatan · Subsektor Restoran · Subsektor Pencucian & Pembersihan · Subsektor Borong & Runcit Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	Rabu
4	Sektor Perkhidmatan · Subsektor Pengendalian Kargo Kementerian Pengangkutan (MOT)	Rabu
5	Sektor Perladangan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)	Rabu
6	Sektor Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA)	Rabu
7	Sektor Perkhidmatan · Subsektor Kedi · Subsektor Spa & Refleksologi · Subsektor Hotel Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Khamis
8	Sektor Pengkuarian dan Perlombongan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Dan Alam Sekitar (KeTSA)	Khamis